

TERMA DAN SYARAT

SUN LIFE MALAYSIA - KEMPEN KLIEN LEGASI DAN PERLINDUNGAN

KEMPEN

1. "Sun Life Malaysia – Kempen Klien Legasi dan Perlindungan" ("Kempen") dianjurkan oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] selepas ini dirujuk sebagai "Sun Life Malaysia".

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini akan diadakan dari 18 April 2025 hingga 17 Ogos 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen").
3. Sun Life Malaysia berhak untuk mengubah jangka masa Tempoh Kempen, tarikh mula dan/atau tarikh tamat Kempen tanpa sebarang notis awal.

KELAYAKAN

4. Untuk layak menyertai Kempen, kriteria berikut mesti dipenuhi:
 - a. Individu yang menetap di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, penduduk tetap, atau bukan warganegara Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan Layak").
 - b. Individu yang berumur antara 30 hari hingga 60 tahun yang memohon Sun Save Invest, Sun Wealth Plus dan/atau Sun Apex-i ("Produk Bankasurans/Bankatakal Turut Serta") dalam Tempoh Kempen.

PRODUK BANKASURANS/BANKATAKAL TURUT SERTA

| Permohonan Layak | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan Layak mesti mengambil Produk Bankasurans/Bankatakal Turut Serta dalam Tempoh Kempen. | |
| Produk Bankasurans/Bankatakal Turut Serta | Penanggung Insurans |
| 1. Sun Save Invest 2. Sun Wealth Plus | <p>Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]</p> <p>Nota: Sun Life Malaysia ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan semua pemilik polisi layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans gagal dan tidak dapat membayar manfaat insurans.</p> |

| Produk Bankasurans/Bankatakaful /Bankatakaful Turut Serta | Pengendali Takaful |
|---|---|
| 1. Sun Apex-i | <p>Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]</p> <p>Nota: Sun Life Malaysia ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan semua pemegang kontrak layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans (TIPS) sekiranya Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat membayar manfaat takaful.</p> |

MEKANISME KEMPEN

5. Pelanggan Layak yang membeli Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta semasa Tempoh Kempen adalah layak menerima Ganjaran seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual A dengan syarat Pelanggan Layak memenuhi Kriteria Kelayakan yang diperuntukkan di bawah Jadual A (“Kriteria Kelayakan”).

Jadual A:

| Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta | Kriteria Kelayakan | Ganjaran |
|---|--|--|
| Sun Save Invest | <p>1. Minimum RM 100,000 FYAP¹ Asas; DAN 2. Kekerapan bayaran tahunan</p> | <p>Perlindungan Komplimentari <i>Group Term Takaful</i> selama dua belas (12) bulan (“Perlindungan Komplimentari GTT”):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) – RM50,000 • <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> – RM50,000 (Sebarang bayaran tuntutan daripada <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> akan mengurangkan bayaran tuntutan bagi Manfaat Kematian/TPD) |
| Sun Wealth Plus | <p>1. Minimum RM 30,000 FYAP¹ Asas; DAN 2. Kekerapan bayaran tahunan</p> | <p>1. Perlindungan Komplimentari <i>Group Term Takaful</i> selama dua belas (12) bulan (“Perlindungan Komplimentari GTT”):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) • <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> (Sebarang bayaran tuntutan daripada <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> akan mengurangkan bayaran tuntutan bagi Manfaat Kematian/TPD) |

| | | |
|------------|---|---|
| | | 2. Jumlah yang dilindungi untuk GTT akan ditentukan berdasarkan FYAP bagi Sun Wealth Plus, dengan jumlah minimum sebanyak RM30,000 . |
| Sun Apex-i | 1. Minimum RM 30,000 FYAC ¹ Asas; DAN 2. Kekerapan bayaran tahunan | 3. Perlindungan Komplimentari <i>Group Term Takaful</i> selama dua belas (12) bulan (“ Perlindungan Komplimentari GTT ”): <ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) • <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> (Sebarang bayaran tuntutan daripada <i>Accelerating Critical Illness Benefit</i> akan mengurangkan bayaran tuntutan bagi Manfaat Kematian/TPD) 4. Jumlah yang dilindungi untuk GTT akan ditentukan berdasarkan FYAC bagi Sun Apex-i, dengan jumlah minimum sebanyak RM30,000 . |

¹ Premium/Sumbangan Tahunan bagi Tahun Pertama akan dirujuk sebagai “FYAP/FYAC”.

GTT adalah diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad (“**Pengendali Takaful**”) [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263- M)]

Untuk layak menikmati Ganjaran seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A** tersebut, Kriteria Kelayakan berikut hendaklah dipenuhi oleh Pelanggan Layak:

- Pelanggan Layak hanya berhak menerima Ganjaran tersebut sekiranya cadangan/permohonan untuk Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta ditandatangani dan diwujudkan dalam Tempoh Kempen dan polisi/kontrak Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta tersebut dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia yang dinyatakan dalam **Jadual B**.
- Polisi/Kontrak Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta hendaklah ditandatangani, diserahkan, dan dikeluarkan mengikut tarikh yang dinyatakan dalam **Jadual B** di bawah:

Jadual B

| Tempoh Cadangan/Permohonan Ditandatangani dan Diwujudkan | Tempoh Polisi/Kontrak Dikeluarkan |
|--|--|
| 18 April 2025 hingga 17 Ogos 2025 | 18 April 2025 hingga 17 September 2025 |

- Untuk Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dengan pilihan penambahan, penambahan berjadual atau penambahan tunggal TIDAK akan diiktiraf sebagai sebahagian daripada pelan FYAP/FYAC.

- d. Pengumpulan FYAP/FYAC adalah TIDAK terpakai untuk Kempen ini.
- e. Bagi orang yang diinsuranskan yang menyertai Sun Save Invest, Pelanggan Layak akan mendapat Perlindungan Komplimentari GTT sehingga RM50,000 jumlah yang dilindungi bagi setiap orang yang dilindungi, tanpa mengira bilangan Produk Bankasurans Turut Serta yang sama dan yang telah didaftarkan oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen.
- f. Bagi orang yang diinsuranskan yang menyertai Sun Wealth Plus, Pelanggan Layak akan mendapat Perlindungan Komplimentari GTT sehingga RM100,000 jumlah yang dilindungi bagi setiap orang yang dilindungi, tanpa mengira bilangan Produk Bankasurans Turut Serta yang sama dan yang telah didaftarkan oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen.
- g. Bagi orang yang dilindungi yang menyertai Sun Apex-i, Pelanggan Layak akan mendapat Perlindungan Komplimentari GTT sehingga RM500,000 jumlah yang dilindungi bagi setiap orang yang dilindungi berstatus standard life dan sehingga RM100,000 bagi substandard life, tanpa mengira bilangan Produk Bankatakaful Turut Serta yang sama dan yang telah didaftarkan oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Kempen. Klasifikasi standard life dan substandard life adalah berdasarkan keputusan pernilaian bagi permohonan Sun Apex-i.
- h. Pelanggan Layak boleh layak untuk lebih daripada satu (1) Perlindungan Komplimentari GTT sekiranya menyertai atau membeli Produk Bancassurance/Bancatakaful yang berbeza. Sila rujuk kepada senario di bawah:

| Senario (Bagi orang yang diinsuranskan/dilindungi yang berumur antara 30 hari hingga 60 tahun) | Perlindungan Komplimentari GTT | | | | | | | |
|---|---|------------------------|------------------|----------|------------------|-----------|------------------|-----------|
| <p>Pelanggan A menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM500,000 FYAC asas bagi Sun Apex-i (bagi dirinya sebagai orang yang dilindungi dan pemegang kontrak) <p>Permohonan ini telah diterima sebagai Standard Life.</p> | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah yang dilindungi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sijil 1 bagi GTT</td><td>RM50,000</td></tr> <tr> <td>Sijil 2 bagi GTT</td><td>RM100,000</td></tr> <tr> <td>Sijil 3 bagi GTT</td><td>RM500,000</td></tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Pelanggan A adalah RM650,000.</p> | Jumlah yang dilindungi | Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | Sijil 2 bagi GTT | RM100,000 | Sijil 3 bagi GTT | RM500,000 |
| Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | | | | | | | |
| Sijil 2 bagi GTT | RM100,000 | | | | | | | |
| Sijil 3 bagi GTT | RM500,000 | | | | | | | |
| Senario (Bagi orang yang diinsuranskan/dilindungi yang berumur antara 30 hari hingga 60 tahun) | Perlindungan Komplimentari GTT | | | | | | | |

| <p>Pelanggan B menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM500,000 FYAC asas bagi Sun Apex-i (bagi dirinya sebagai orang yang dilindungi dan pemegang kontrak) <p>Permohonan ini telah diterima sebagai Substandard Life.</p> | <table border="1" data-bbox="899 255 1372 439"> <thead> <tr> <th colspan="2">Jumlah yang dilindungi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sijil 1 bagi GTT</td> <td>RM50,000</td> </tr> <tr> <td>Sijil 2 bagi GTT</td> <td>RM100,000</td> </tr> <tr> <td>Sijil 3 bagi GTT</td> <td>RM100,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Pelanggan B adalah RM250,000.</p> | Jumlah yang dilindungi | | Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | Sijil 2 bagi GTT | RM100,000 | Sijil 3 bagi GTT | RM100,000 |
|--|--|------------------------|--|------------------|----------|------------------|-----------|------------------|-----------|
| Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | | | | | | | | |
| Sijil 2 bagi GTT | RM100,000 | | | | | | | | |
| Sijil 3 bagi GTT | RM100,000 | | | | | | | | |
| <p>Pelanggan C menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM200,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) | <table border="1" data-bbox="899 783 1372 882"> <thead> <tr> <th colspan="2">Jumlah yang dilindungi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sijil 1 bagi GTT</td> <td>RM50,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Pelanggan C adalah RM50,000.</p> | Jumlah yang dilindungi | | Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | | | | |
| Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | RM50,000 | | | | | | | | |
| <p>Pelanggan D menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM30,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM80,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) | <table border="1" data-bbox="899 1205 1372 1347"> <thead> <tr> <th colspan="2">Jumlah yang dilindungi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sijil 1 bagi GTT</td> <td>RM30,000</td> </tr> <tr> <td>Sijil 2 bagi GTT</td> <td>RM70,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Pelanggan D adalah RM100,000.</p> <p>• Permohonan Sun Wealth Plus dengan FYAP Asas RM100,000 tidak layak untuk perlindungan GTT kerana jumlah perlindungan GTT melebihi had maksimum RM100,000 bagi setiap individu yang dilindungi.</p> | Jumlah yang dilindungi | | Sijil 1 bagi GTT | RM30,000 | Sijil 2 bagi GTT | RM70,000 | | |
| Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | RM30,000 | | | | | | | | |
| Sijil 2 bagi GTT | RM70,000 | | | | | | | | |

| Scenario (Bagi orang yang diinsuranskan/dilindungi yang berumur antara 30 hari hingga 60 tahun) | Perlindungan Komplimentari GTT | | | | | | | | | | | |
|---|---|-----------------------|------------------------|------------------|------------------|-----------|------------------|------------------|----------|------------------|------------------|-----------|
| <p>Pelanggan E menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (dengan anaknya sebagai orang yang diinsuranskan dan beliau sebagai pemilik polisi) • RM500,000 FYAC asas bagi Sun Apex-i (dengan anaknya sebagai orang yang dilindungi dan beliau sebagai pemegang kontrak) <p>Permohonan ini telah diterima sebagai Standard Life.</p> | <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Orang yang dilindungi</th><th style="text-align: center;">Jumlah yang dilindungi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Sijil 1 bagi GTT</td><td style="text-align: center;">Pelanggan E</td><td style="text-align: center;">RM50,000</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Sijil 2 bagi GTT</td><td style="text-align: center;">Anak Pelanggan E</td><td style="text-align: center;">RM50,000</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Sijil 3 bagi GTT</td><td style="text-align: center;">Anak Pelanggan E</td><td style="text-align: center;">RM500,000</td></tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Pelanggan E adalah RM50,000.</p> | Orang yang dilindungi | Jumlah yang dilindungi | Sijil 1 bagi GTT | Pelanggan E | RM50,000 | Sijil 2 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM50,000 | Sijil 3 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM500,000 |
| Orang yang dilindungi | Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | Pelanggan E | RM50,000 | | | | | | | | | | |
| Sijil 2 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM50,000 | | | | | | | | | | |
| Sijil 3 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM500,000 | | | | | | | | | | |
| <p>Anak Pelanggan E menyertai produk-produk berikut sepanjang tempoh kempen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Save Invest (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) • RM500,000 FYAC asas bagi Sun Apex-i (bagi dirinya sebagai orang yang dilindungi dan pemegang kontrak) <p>Permohonan ini telah diterima sebagai Standard Life.</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM100,000 FYAP asas bagi Sun Wealth Plus (bagi dirinya sebagai orang yang diinsuranskan dan pemilik polisi) | <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Sun Save Invest tidak layak untuk perlindungan GTT kerana jumlah perlindungan GTT melebihi had maksimum RM50,000 bagi setiap individu yang dilindungi. • Permohonan Sun Apex-i tidak layak untuk perlindungan GTT kerana jumlah perlindungan GTT melebihi had maksimum RM500,000 bagi setiap individu yang dilindungi. <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Orang yang dilindungi</th><th style="text-align: center;">Jumlah yang dilindungi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Sijil 1 bagi GTT</td><td style="text-align: center;">Anak Pelanggan E</td><td style="text-align: center;">RM100,000</td></tr> </tbody> </table> <p>Jumlah perlindungan yang layak di bawah GTT untuk Anak Pelanggan E adalah RM100,000.</p> | Orang yang dilindungi | Jumlah yang dilindungi | Sijil 1 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM100,000 | | | | | | |
| Orang yang dilindungi | Jumlah yang dilindungi | | | | | | | | | | | |
| Sijil 1 bagi GTT | Anak Pelanggan E | RM100,000 | | | | | | | | | | |

- i. Sekiranya pemilik polisi/pemegang kontrak menarik balik atau membatalkan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta semasa cadangan/permohonan, di peringkat pemprosesan atau mana-mana dalam mana-mana peringkat pada atau sebelum Tempoh

Semakan Percuma (seperti yang ditakrifkan di bawah), atau sekiranya cadangan untuk Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta tidak berjaya akibat pertimbangan pengunderaitan, maka Pelanggan Layak adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

- j. Tempoh Semakan Percuma (“Free-Look Period”) ditakrifkan sebagai suatu tempoh yang mana pemilik polisi/pemegang kontrak diberikan masa selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penyerahan polisi/kontrak untuk meneliti kesesuaian pelan yang baru disertai. Sekiranya polisi/kontrak diserah semula dalam Tempoh Semakan Percuma, premium/sumbangan yang dibayar selepas menolak perbelanjaan perubatan, sekiranya ada, akan dikembalikan kepada pemilik polisi/pemegang kontrak.
6. Untuk terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian yang menyeluruh bagi Perlindungan Komplimentari GTT, Pelanggan Layak harus merujuk kepada kontrak induk GTT dan/atau sijil takaful yang boleh dilihat dan/atau dimuat turun dari laman web Pengendali Takaful di sunlifemalaysia.com.
7. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan permohonan Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta beliau, yang mana ianya adalah berasingan daripada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini.
8. Produk-produk Banksurans Turut Serta yang diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930(197499-U)], penanggung insurans yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (**“Penanggung Insurans”**) dan Produk Bankatakaful Turut Serta dan GTT yang diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215) (689263-M)], pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (**“Pengendali Takaful”**).
9. Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas permohonan untuk Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta atau surat-menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap serah, tertunda, tidak dapat dibaca, tercemar atau tersalah arah sama ada akibat kesilapan, tinggalan, pengubahsuaian, gangguan, pemadaman, kecurian, penghapusan atau sebaliknya melainkan perkara yang sama adalah disebabkan secara langsung daripada kecuaian melampau atau keingkaran sengaja oleh Sun Life Malaysia.
10. Pelanggan Layak adalah tertakluk kepada penilaian kesesuaian yang akan dijalankan sewaktu praktik proses penyertaan sebelum Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta dicadangkan oleh wakil yang diberikuasa. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada Brosur Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta, Helaian Pendedahan Produk dan lain-lain material produk yang berkaitan bagi maklumat lanjut berkenaan Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta tersebut. Brosur Produk Banksurans/Bankatakaful Turut Serta adalah tersedia di laman web Sun Life Malaysia atau boleh diperolehi daripada wakil yang diberikuasa.

11. Penanggung Insurans/Pengendali Takaful sebagai pengunderait/pengurus bagi Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta hendaklah menangani sebarang perkara berkaitan dengan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta. Pelanggan Layak dan/atau pemilik polisi/pemegang kontrak hendaklah mengemukakan sebarang pertanyaan, maklum balas, perhatian, isu atau aduan berkaitan pembelian dalam Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk penyelesaian di:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad
No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)

Sun Life Malaysia Takaful Berhad
No. Pendaftaran: 200501012215) (689263-M)

Level 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Secara alternatifnya, Pelanggan Layak dan/atau pemilik polisi/ pemegang kontrak boleh

- a. Menghubungi Talian Khidmat Pelanggan 1300-88-5055;
- b. Membuat pertanyaan dalam talian menerus sunlifemalaysia.com;
- c. E-mel secara terus ke vecare@sunlifemalaysia.com; atau
- d. Secara faks ke (603) 2698 7035

PENUNAIAN GANJARAN

12. Penunaian Ganjaran akan diberikan dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pengeluaran polisi/kontrak, tertakluk kepada polisi/kontrak yang masih berkuatkuasa pada masa itu.
13. Perlindungan Komplimentari GTT akan mula berkuat kuasa berdasarkan tarikh polisi/kontrak dikeluarkan seperti berikut:

| Penyertaan: 18 April – 17 Ogos 2025 | Tempoh perlindungan GTT |
|---|-------------------------------------|
| Dikeluarkan antara 18 hingga 30 April 2025 | 1 Jun 2025 – 1 Jun 2026 |
| Dikeluarkan antara 1 hingga 31 Mei 2025 | 1 Julai 2025 – 1 Julai 2026 |
| Dikeluarkan antara 1 hingga 30 Jun 2025 | 1 Ogos 2025 – 1 Ogos 2026 |
| Dikeluarkan antara 1 hingga 31 Julai 2025 | 1 September 2025 – 1 September 2026 |
| Dikeluarkan antara 1 hingga 31 Ogos 2025 | 1 Oktober 2025 – 1 Oktober 2026 |
| Dikeluarkan antara 1 hingga 17 September 2025 | 1 November 2025 – 1 November 2026 |

14. **Tempoh menunggu bagi Perlindungan Komplimentari GTT** – Tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh berkuatkuasa bagi GTT adalah digunakan kepada kematian, TPD dan semua jenis penyakit kritikal dengan pengecualian untuk penyakit kritikal berikut yang tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari:
- a. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari;
 - b. Kanser;

- c. Penyakit jantung koronari yang memerlukan pembedahan;
- d. Serangan jantung; atau
- e. Penyakit arteri koronari serius

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami TPD atau didiagnosis dengan penyakit kritikal dalam tempoh menunggu seperti yang ditakrifkan.

15. **Keadaan sedia ada bagi Perlindungan Komplimentari GTT** – Tiada manfaat akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami TPD atau didiagnosis dengan penyakit kritikal disebabkan oleh keadaan sedia ada penyakit, kecederaan, keadaan atau gejala yang wujud sebelum tarikh tandatangan permohonan/cadangan bagi Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta.
16. Sun Life Malaysia akan memaklumkan Pelanggan Layak yang layak menerima Ganjaran melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") ke nombor telefon bimbit Pelanggan Layak dengan sewajarnya.
17. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan nombor telefonnya ("Butiran Perhubungan") yang diperincikan dalam Borang Cadangan Insurans/Pemohonan Takaful Sun Life Malaysia adalah terkini dan dikemas kini dan berdasarkan di Malaysia.
18. Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang berpunca daripadanya) yang dialami atau terhadap sebarang kegagalan melaksanakan pemakluman Ganjaran sekiranya nombor telefon Pelanggan Layak dalam rekod Sun Life Malaysia tidak terkini atau tepat.
19. Sun Life Malaysia berhak untuk melucutkan Ganjaran jika Butiran Hubungan Pelanggan Layak yang disimpan dalam rekod Sun Life Malaysia adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
20. Pelanggan Layak bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan semasa dan untuk tujuan Kempen ini (Nama, KP, Tarikh Lahir, Nombor Telefon Bimbit, Jantina, dan Kewarganegaraan) boleh dipegang, digunakan dan didedahkan kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk tujuan memproses permohonan untuk Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta, dan maklumat tersebut juga boleh disimpan, digunakan dan didedahkan lebih lanjut oleh Penanggung Insurans/Pengendali Takaful kepada individu/organisasi yang berkaitan dengan Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk tujuan memproses permohonan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan menyediakan perkhidmatan seterusnya untuk kontrak polisi, dan untuk berkomunikasi dengan Pelanggan Layak untuk tujuan tersebut. Pelanggan Layak mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami Notis/kenyataan Privasi Penanggung Insurans di <https://www.sunlifemalaysia.com/SunLife/media/SunLifeMedia/PDF/PrivacyNotice.pdf> dan bersetuju untuk memberikan persetujuan bagi penggunaan data peribadi mereka untuk tujuan yang dinyatakan di dalamnya.
21. Terma-terma dan syarat-syarat berikut adalah terpakai bagi Ganjaran tersebut:

- a. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan perlindungan komplimentari GTT/GTL melainkan dinyatakan sebaliknya.
- b. Ganjaran tidak boleh ditukar atau dijual dengan wang tunai dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain.

TERMA DAN SYARAT

22. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
 - a. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat ini;
 - c. mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang mempengaruhi kewajipan mereka telah diterangkan dengan sewajarnya kepada mereka;
 - d. memberikan persetujuan kepada Sun Life Malaysia untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka dan juga sebarang data peribadi mana-mana individu yang dikongsi Pelanggan Layak dengan Sun Life Malaysia menurut Notis Privasi Sun Life Malaysia di www.sunlifemalaysia.com;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh Sun Life Malaysia berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan mutakhir; dan
 - f. bersetuju bahawa Sun Life Malaysia tidak menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak jika Sun Life Malaysia tidak dapat melakukan sepenuhnya atau sebahagianya mana-mana kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian transmisi;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian Perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv. sebarang bencana alam di luar kawalan Sun Life Malaysia; atau
 - v. sebarang faktor yang di luar kawalan munasabah Sun Life Malaysia.

23. Pelanggan Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen dan/atau Ganjaran akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penunaian Ganjaran jika:

- a. Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang diguna pakai bagi Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta yang didaftarkan;

- b. Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta yang didaftarkan ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau pihak berkuasa di bawah undang-undang; atau
 - c. Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta yang didaftarkan tidak berbayar, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau Sun Life Malaysia.
24. Sun Life Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ditentukan sebagai:
- a. Gangguan kepada proses permohonan; dan/atau
 - b. Perbuatan yang melanggar Terma dan Syarat ini.
25. Sun Life Malaysia berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, sebarang pemberitahuan kepada Pelanggan Layak mengenai perkara ini akan diumumkan melalui:
- a. pengumuman di laman web Sun Life Malaysia; dan/atau
 - b. menerusi sebarang kaedah pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh Sun Life Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan, Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

26. Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, pampasan sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) yang berlaku disebabkan oleh:
- a. penyertaan atau tidak penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau penerimaan lewat Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dan/atau eDM oleh Pelanggan Layak,
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan Sun Life Malaysia.
27. Sun Life Malaysia berhak untuk mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda mana-mana Terma dan Syarat (**"Pindaan"**) tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, sebarang pemberitahuan kepada Pelanggan Layak mengenai perkara ini akan diumumkan melalui:
- a. pengumuman di laman web Sun Life Malaysia; dan/atau
 - b. menerusi sebarang kaedah pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh Sun Life Malaysia.

28. Pindaan tersebut dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh Sun Life Malaysia dalam pemberitahuan.
29. Jika perubahan diperlukan di bawah undang-undang atau mana-mana peraturan, ketetapan, arahan, notis dan garis panduan ("**Ketetapan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Ketetapan Malaysia dan Sun Life Malaysia akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
30. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengunjungi laman web Sun Life Malaysia dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan mereka maklum tentang sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
31. Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat kesan langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.
32. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Sun Life Malaysia dibayar ganti rugi penuh bagi yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin dialami oleh Sun Life Malaysia yang disebabkan oleh:
 - a. penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran; dan/atau
 - c. sebarang pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
33. Terma dan Syarat ini:
 - a. akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b. hendaklah dibaca bersama terma dan syarat sedia ada Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan/atau servis yang berkaitan dengan Kempen yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
34. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan peraturan, ketetapan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkaitan lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Sun Life Malaysia.
35. Laman web Sun Life Malaysia mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). Sun Life Malaysia tidak mempunyai kawalan, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak klik pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak faham bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan Sun Life

Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.

36. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak memberi kuasa kepada Sun Life Malaysia untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk dan tidak terhad kepada nama, foto dan bandar tempat tinggal Pelanggan Layak tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam ara yang dianggap sesuai (**“Hak Penerbitan”**).